

AIR-X 120 TABLET

Simethicone (120mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Air-X
2. Bagaimana Air-X berfungsi
3. Sebelum menggunakan Air-X
4. Cara menggunakan Air-X
5. Semasa menggunakan Air-X
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Air-X
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Air-X

Air-X digunakan untuk:

- Mengurangkan ketidakselesaan dan kesakitan berpunca daripada lebihan gas yang terperangkap dalam perut dan usus.
- Mengurangkan pembentukan buih di dalam perut untuk meningkatkan imej X-ray semasa pemeriksaan gastroskopi, endoskopi dan radiografi.

Bagaimana Air-X berfungsi

Simethicone merupakan agen anti-pembusa yang membolehkan penggabungan gelembung gas dan mengeluarkannya sebagai angin.

Sebelum menggunakan Air-X

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan Air-X sekiranya anda:

- Pernah mengalami reaksi alahan terhadap bahan aktif simethicone atau kandungan-kandungan lain dalam produk Air-X.
- Diketahui atau disyaki mempunyai lubang pada gastrousus
- Diketahui atau disyaki mempunyai penghalangan usus

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Air-X

Beritahu doktor sekiranya anda:

- Merupakan pesakit diabetes kerana Air-X mengandungi glukosa dan sukrosa.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumat kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Air-X. Anda mesti maklumat kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- *Phenytoin* (ubat untuk sawan)
- *Levothyroxine* (ubat untuk tahap hormon kelenjar yang rendah atau mencegah pembesaran kelenjar tiroid)

- Semasa mengandung dan menyusui bayi

Air-X tidak akan membahayakan wanita hamil dan ibu yang sedang menyusui kerana simethicone tidak akan diserap ke dalam badan. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor kalau anda sedang mengandung atau menyusui bayi. Patuhi arahan yang diberikan oleh doktor.

Cara menggunakan Air-X

Sentiasa ambil Air-X sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 tablet selepas makan dan sebelum tidur seperti yang diperlukan. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 480mg (4 tablet).

Dos bergantung kepada umur dan tanda-tanda.

Untuk mereka yang ingin menjalani pemeriksaan radiografi, gastroskopi dan endoskopi. Ia adalah dinasihatkan untuk mengambil 80-240mg simethicone tablet pada malam sebelum atau pada hari pemeriksaan tersebut.

- Bila perlu digunakan

Tablet perlu diambil secara oral. Anda harus mengunyah tablet itu sebelum anda menelannya.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan pengambilan Air-X seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Air-X tidak akan membahayakan kesihatan anda sekiranya terambil dos yang berlebihan kerana simethicone tidak akan diserap ke dalam badan.

Walaupun bagaimanapun, sesiapa yang terambil ubat ini secara berlebihan adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan Air-X

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Air-X mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya pada kebelakangan ini anda ada ambil sebarang ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Dapatkan nasihat daripada doktor jika anda sedang hamil atau bercadang untuk hamil.
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, maklumat kepada doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Air-X.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Air-X tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Mereka yang mengalami diabetes harus mengambil perhatian terhadap pengambilan Air-X kerana ia mengandungi glukosa dan sukrosa. Oleh itu, pesakit diabetes adalah dinasihatkan mengambil Air-X SF Tablet sebagai alternatif.

Kesan-kesan sampingan

Pada umumnya, kesan-kesan sampingan daripada pengambilan simethicone jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda

AIR-X 120 TABLET

Simethicone (120mg)

sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- Kembang
- Pedih hati
- Sembelit
- Cirit-birit

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Air-X

- Penyimpanan

Simpan ubat ini dalam bekas kedap. Simpan di bawah 30°C, jauhi daripada haba dan cahaya.

Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan Air-X yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau papan ubat.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Air-X adalah tablet bulat cembung putih yang mempunyai rasa pudina.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi simethicone 120mg.

- Bahan tidak aktif

Aerosil 200, Aerosil R972, Anhydrous Glucose, Povidone, Sucrose, Caraway Oil, Fennel Oil, Peppermint Oil, Menthol, Calcium Stearate.

- Bungkusan

Kotak mengandungi 100, 200, 500, 2000 tablet.

- Nombor MAL

MAL11080009X

Pengilang

R.X. MANUFACTURING CO., LTD
76 Moo 10 Salaya-Bangpasi Road,
Naraphirom, Banglane, Nakornphatom,
73130 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/09/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)210817/0022